

PROGRAM HARI INOVASI TAHUN 2014

Pengenalan

Tema 'Inovasi Dan Integriti Merealisisi Perakaunan Akruan' dikekalkan bagi tahun 2014 kerana tema ini amat relevan dan bertepatan dengan hala tuju JANM ke arah transformasi Sistem Perakaunan Kerajaan, dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan perakaunan yang lebih cepat, tepat dan berintegriti.

Antara program Inovasi yang dijalankan pada tahun 2014 adalah:

- Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM Tahun 2014
- Lawatan Inovasi
- Ceramah Inovasi
- Pertandingan Pidato

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM

Sambutan Hari Inovasi & Integriti JANM Tahun 2014 telah diadakan bersekali dengan penganjuran sukan JANM 2014 dengan kerjasama KESAN pada 17 Oktober 2014 di Institut Perakaunan Negara (IPN, Sabak Bernam).

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk ANM. YBhg. Dato' TAN(K) selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Inovasi dan Integriti JANM dan YBhg. Dato' TAN(O) selaku Yang Dipertua KESAN juga turut hadir. Seramai 250 orang warga JANM yang terdiri daripada wakil Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan telah menghadiri program ini.

Lawatan Inovasi

Dua (2) lawatan inovasi telah diadakan iaitu ke Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd. (SMART) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

i) Lawatan ke Terowong SMART

- Telah diadakan pada 26 Jun 2014
- Seramai 28 orang pegawai yang menyertai lawatan ini dan terdiri daripada wakil semua Bahagian di JANM.

- Para peserta telah diberi taklimat ringkas oleh Ketua Operasi dan Perhubungan Awam iaitu **En. Mohd Noor bin Mohd Ali**. Pihak SMART juga turut berkongsi maklumat dengan para peserta melalui tayangan video korporat agensi berkenaan.
- Hasil lawatan, para peserta lebih memahami fungsi terowong SMART yang mana ia dijadikan laluan trafik ketika paras air masih di paras selamat dan akan ditutup ketika air di paras bahaya. Proses pembersihan terowong juga mengambil masa, bagi memastikan terowong tersebut selamat digunakan.

ii) Lawatan ke MARDI

- Telah diadakan pada 19 Ogos 2014 dan disertai oleh 32 orang pegawai dari semua Bahagian JANM.
- Para peserta telah diberi taklimat oleh Timbalan Pengarah Program Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi iaitu **Pn. Aminah Mustakimah Siraj** dari Bahagian Perancangan Strategik MARDI.
- Inovasi yang dihasilkan oleh MARDI ini dapat dilihat melalui pengwujudan pelbagai produk baru yang dihasilkan daripada proses kacuk.
- Selain itu proses penanaman juga turut dipermodenkan bagi membolehkan pelbagai jenis tanaman dapat dihasilkan. Sebagai contoh, anggur yang pada kebiasaannya ditanam di kawasan sejuk dapat dihasilkan di Malaysia sebuah negara yang bercuaca tropika melalui proses inovasi dan penyelidikan.
- Proses inovasi produk dilakukan oleh pihak MARDI adalah bertujuan untuk memenuhi kehendak pasaran dan bersaing di peringkat Antarabangsa.

Ceramah Daripada Pihak *Malaysia Medical Relief Society (MERCY)*

- Ceramah ini telah berlangsung pada 21 Ogos 2014 bertempat di Dewan Serbaguna Aras 7, Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang disampaikan oleh **Ar. Mohamad Ayof bin Banjuri**.
- Ceramah ini lebih menjelaskan fungsi **MERCY** itu sendiri yang mana bantuan yang dihulurkan tidak terhad kepada Malaysia sahaja, bahkan ia turut membantu negara–negara luar yang di dalam peperangan, bencana alam dan sebagainya.
- Selain membantu dari segi kewangan dan sumber asas, di bawah nama MERCY ini terdapat sukarelawan dari tenaga pakar seperti pakar perubatan, arkitek dan sebagainya.
- Penceramah juga berkongsi ilmu mengenai Risiko Bencana Keseluruhan atau Total Disaster Risk Management (TDRM) dimana MERCY telah memperolehi Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2013 oleh MAMPU.

Pertandingan Pidato

- Pertandingan ini telah diadakan pada 29 Ogos 2014 di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM yang telah disertai oleh 8 orang peserta dan dihadiri oleh 116 orang penonton.
- Barisan panel hakim pertandingan tersebut adalah En. Abang Patdeli bin Abang Muhi, wakil dari Dewan Bahasa dan Pustaka selaku ketua hakim, En. Zubayry Abadi bin Sofian, dari Institut Integriti Malaysia, dan Cik Sandy Tan dari Persatuan Penggiat Pemandu.
- Program ini turut diserikan dengan persembahan selingan Bicara Berirama daripada Pelajar SMK Sultan Alam Shah, Putrajaya.
- Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Tempat Pertama : **En. Abd.Hamid bin Arbin dari JANM Caw. Sandakan**
(Hadiah: Piala dan wang tunai sebanyak RM500)

Tempat kedua : **Pn. Nor Azneyani binti Zakaria JANM Negeri Sabah**
(Hadiah: Piala dan wang tunai RM 400)

Tempat Ketiga : **Puan Siti Farhana binti Md. Riduan (BPOPP)**
(Hadiah: Piala dan wang tunai RM 300)